



SIARAN MEDIA

MAJLIS PERBANDARAN KLANG DINAIK TARAF KEPADA STATUS BANDARAYA

KLANG, 26 Julai 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju dan meluluskan cadangan naik taraf Majlis Perbandaran Klang (MPK) kepada status bandaraya.

Naik taraf MPK dilihat akan memperkasakan Klang sebagai sebuah bandaraya dan pelabuhan berdaya saing di peringkat global. Ia juga akan menjadi faktor pertumbuhan ekonomi setempat dan peningkatan kualiti hidup rakyat serta daya saing negara.

MPK telah ditubuhkan sejak tahun 1890 dan kini telah memenuhi semua kriteria bagi mencapai status bandaraya pada usia 133 tahun. MPK berupaya menyediakan perkhidmatan pada tahap yang cemerlang, kemudahan infrastruktur dan utiliti awam yang terbaik serta berkeupayaan membentuk jenama dan imej bandaraya yang unik, mampan serta berimejkan bandar warisan dan sejarah.

Bagi memastikan Klang sebagai sebuah bandar yang berdaya huni, MPK dilihat komited bagi memastikan Klang kekal sebagai bandar mampan dan bandar bahagia yang diukur melalui Sistem Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (MURNInets). Data pada tahun 2022 menyenaraikan Klang sebagai antara 10 Bandar Paling Bahagia di Malaysia.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui geran tahunan daripada Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM 5 juta setahun kepada MPK dalam inisiatif membantu membiayai belanja mengurus Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). MPK telah menerima sejumlah RM5.722 juta bagi tahun 2020 hingga 2023 yang dibelanjakan melalui program pembangunan fizikal dan sosio-ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat.

MPK juga telah menerima RM3.9 juta bagi tahun 2020 hingga 2022 melalui Program Pemberian Peruntukan Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) yang bertujuan membaikpulih dan menyelenggara perumahan berstrata kos rendah atau sederhana rendah swasta. Ia bertujuan bagi menyediakan persekitaran kediaman yang selesa dan berkualiti kepada penghuni perumahan berstrata.

Bersempena dengan Program Sentuhan Kasih KPKT di Negeri Selangor pagi ini, YB KM turut turun padang meninjau keperluan kemudahan awam serta infrastruktur di Taman Awam Pangkalan Batu, Jambatan Kota dan Jalan Goh Hock Huat. Sejumlah RM5 juta peruntukan telah diumumkan oleh YB KM melibatkan projek-projek BP.1 seperti kerja-kerja menaik taraf Pasar Pelabuhan Klang dan gerai-gerai di kawasan Pelabuhan Klang, Jalan Goh Hock Huat, laluan pejalan kaki dan basikal di Jambatan Kota, kerja-kerja membekal dan memasang lampu solar di sekitar kawasan Seri Kerayong, Taman Kerayong, membina tandas awam di Pangkalan Batu, Klang dan lain-lain.

Sehingga Julai 2023, KPKT telah meluluskan sebanyak RM23.3 juta peruntukan untuk menaik taraf dan menyelenggara infrastruktur dan kemudahan awam kepada PBT - PBT di Selangor di bawah peruntukan BP.1 yang disalurkan melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT).

Turut hadir semasa lawatan kerja tersebut ialah YB. Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan & Pengangkutan Awam Negeri Selangor; YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman, Ahli Parlimen Klang; YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; Yang Amat Dihormati Dato' Setia Haji Mohammed Kusrin bin Haji Munawi, Orang Besar Daerah Klang; TPr. Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia); YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan; TPr. Puan Hajah Noraini binti Roslan, Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Klang; YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan SUK (Pembangunan) Kerajaan Negeri Selangor serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua jabatan peringkat negeri dan daerah.

KPKT berharap melalui kelulusan status bandaraya kepada MPK ini, kecemerlangan

mutu perkhidmatan MPK dapat terus ditingkatkan dalam memastikan segala manfaat dapat dinikmati oleh rakyat sejajar dengan hasrat Kerajaan Perpaduan untuk membina masyarakat Malaysia MADANI.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

